

31/03/1999

NITC tubuh lima kumpulan kerja

Hizral Tazzif Hisham

MAJLIS Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC) menubuhkan lima kumpulan kerja bagi menumpukan perhatian kepada lima bidang utama membabitkan pembangunan masyarakat dan pembudayaan teknologi maklumat di kalangan masyarakat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat majlis itu berkata, kumpulan kerja itu ialah untuk e-masyarakat, e-perkhidmatan awam, e-pembelajaran, e-ekonomi dan e-keselamatan dan kedaulatan.

"Mesyuarat NITC membincangkan enam kertas berkaitan maklumat elektronik dan pembentukan beberapa kumpulan tindakan," katanya selepas mesyuarat itu di Cyberjaya di sini.

Banyak cadangan dibincangkan berkenaan sistem maklumat elektronik dan kesannya terhadap negara.

Kumpulan kerja e-masyarakat dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Multimedia, Datuk Leo Moggie; e-perkhidmatan awam, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali; e-pembelajaran oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak; e-ekonomi oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan e-Keselamatan dan kedaulatan oleh Pengerusi Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS), Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

Mengikut kenyataan akhbar yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, e-masyarakat berperanan menyediakan kemudahan kepada pihak yang berminat meningkatkan mutu hidup dan yang berhubungan secara elektronik walaupun anggotanya berselerak di merata tempat.

E-perkhidmatan awam memberi kemudahan menyediakan perkhidmatan awam kepada orang ramai dan sektor perniagaan secara lebih cekap menerusi kaedah elektronik.

E-pembelajaran berperanan meningkatkan keupayaan pertubuhan dan individu bagi mendapat dan meluaskan pengetahuan, kemahiran dan nilai menerusi interaksi secara elektronik.

E-ekonomi akan memudah dan menggalakkan kegiatan perdagangan dan perniagaan secara elektronik yang menyokong pembangunan ekonomi bermaklumat manakala E-keselamatan and kedaulatan mengukuhkan identiti dan kewibawaan negara dalam dunia tanpa sempadan.

Menurut kenyataan itu, NITC menubuhkan Jawatankuasa Teras Pelaksanaan Strategik yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga dilantik sebagai timbalan pengerusi NITC.

Jawatankuasa itu yang dianggotai ahli pemikir dan pertubuhan strategik untuk pembangunan teknologi maklumat di Malaysia, akan merangka rancangan untuk menggalakkan penggunaan IT di semua peringkat.

(END)